


AKTIVITI PAK-21

Aktiviti 1

Bab 3: Set/Sets

Arahan:**Instructions:**

1. Bahagikan murid kepada 6 kumpulan.
Divide the students into 6 groups.
2. Guru menyediakan 6 fail di mana setiap fail mengandungi sehelai kertas A3 yang dilukis dengan dua bulatan bersilang seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.
The teacher prepares 6 files where each file contains a piece of A3 paper with a drawing of two intersecting circles as shown in the diagram below.



3. Setiap kumpulan akan memikirkan persamaan dan perbezaan berdasarkan tajuk yang diberi dan menulisnya di dalam bulatan tersebut.
Each group needs to figure out the similarities and differences based on the topic given and write them down in the circles.
4. Setiap kumpulan diberi tempoh 5 minit untuk menyiapkan setiap tugas. Fail-fail itu kemudian akan dipindahkan kepada kumpulan lain supaya kumpulan lain pula menulis persamaan dan perbezaan yang mereka dapat fikirkan.
Each group is given 5 minutes to complete each task. The files will then be transferred to another group so that the other group also can write down whatever similarities and differences which they can think of.
5. Setelah kesemua 6 fail telah diteliti oleh 6 kumpulan, perbincangan akan diadakan berdasarkan hasil dapatan dalam setiap fail.
Once all the 6 files have been gone through by the 6 groups, a discussion will be carried out based on the result in each of the files.

Aktiviti 2

Bab 7: Kebarangkalian I/Probability I

Arahan:

Instructions:

1. Guru menyediakan 4 stesen dalam kelas (bilangan stesen ditentukan oleh jumlah bilangan murid).

The teacher prepares 4 stations in the class (the number of stations is determined by the total number of students).

2. Setiap stesen dibekalkan dengan bahan seperti berikut:

Each station will be given the following materials:

Stesen 1	:	Sekeping duit syiling dan beberapa helai kertas putih
Stesen 2	:	Sebiji dadu dan beberapa helai kertas putih
Stesen 3	:	Sebuah kotak berisi dengan beberapa keping kad berlabel dengan nombor atau huruf dan beberapa keping kertas putih
Stesen 4	:	Sebuah kotak berisi dengan beberapa biji bola kecil yang berlainan warna dan beberapa keping kertas putih
Station 1	:	<i>A coin and a few pieces of white paper</i>
Station 2	:	<i>A dice and a few pieces of white paper</i>
Station 3	:	<i>A box filled with a number of cards labelled with numbers or letters and a few pieces of white paper</i>
Station 4	:	<i>A box filled with a number of small balls with different colours and a few pieces of white paper</i>

3. Bahagikan murid dalam kelas kepada 4 kumpulan (berdasarkan bilangan stesen yang disediakan).

Divide the students in the class into 4 groups (according to the number of stations prepared).

4. Setiap kumpulan mengambil tempat di satu stesen.

Every group will stay at one station.

5. Murid-murid dalam setiap kumpulan dikehendaki melakukan aktiviti berikut di:

The students in each group have to carry out the following activities:

Stesen 1	:	Melontarkan duit syiling sebanyak 100 kali.
Stesen 2	:	Melontarkan dadu sebanyak 100 kali.
Stesen 3	:	Mengeluarkan sekeping kad secara rawak daripada kotak itu dan mengulanginya sebanyak 100 kali (dengan pengembalian).
Stesen 4	:	Mengeluarkan sebiji bola berwarna secara rawak daripada kotak itu dan mengulanginya sebanyak 100 kali (dengan pengembalian).
Station 1	:	<i>Toss the coin 100 times.</i>
Station 2	:	<i>Toss the dice 100 times.</i>
Station 3	:	<i>Take out a card at random from the box and repeat it 100 times (with replacement).</i>
Station 4	:	<i>Take out a coloured ball at random from the box and repeat it 100 times (with replacement).</i>

6. Murid dalam setiap kumpulan dikehendaki mencatatkan kesudahan aktiviti di atas kertas putih dan seterusnya berbincang untuk mendapatkan kebarangkaliannya.

The students in every group have to record the outcomes on a white paper and discuss to find the probabilities.

7. Murid dikehendaki bergerak secara berkumpulan dari satu stesen ke stesen yang lain untuk melakukan semua aktiviti yang ditentukan.

The students have to move in group from one station to another station to carry out all the activities given.

8. Setiap kumpulan perlu membentangkan keputusan yang diperoleh dalam kelas setelah selesai melakukan semua aktiviti itu.

Each group has to present their findings in the class after doing all the activities.